



Dr. Tan - Pemenang ProSPER.Net-Scopus Young Scientist Award 2010 di Shanghai



Dr Tan menerima anugerah daripada Ketua Panel Penilai, Prof. Zhang Jianhua, Hong Kong Baptist University.

SHANGHAI, 7 Julai - Pensyarah dari Fakulti Sains dan Teknologi Makanan, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Madya Dr. Tan Chin Ping memenangi anugerah dalam majlis Prosper.Net-Scopus Young Scientist Award in Sustainable Development 2010 yang telah berlangsung di Universiti Tongji, Shanghai pada 5 Julai 2010.

Kemenangan beliau adalah berdasarkan jumlah kutipan petikan dan h-indeks serta jumlah penerbitan dan paten yang tinggi dalam kategori 'Agriculture and Food Security'.

Beliau menerima USD 1,000 dan fellowship dari International Bureau of the German Ministry of Education bagi menanggung kos menjalani penyelidikan di Jerman selama setahun di institusi pengajian tinggi atau institusi penyelidikan pilihannya.



Dr. Tan semasa memberikan ucapan penghargaannya.

"Dr. Tan telah menerbitkan sebanyak 100 karya saintifik dalam jurnal antarabangsa

terkemuka, 4 naskhah buku, 3 paten, membentangkan lebih dari 120 kertas kerja dalam persidangan antarabangsa, 30 anugerah kebangsaan dan antarabangsa dan menerima lebih dari 25 dana penyelidikan tajaan dari pelbagai agensi kerajaan dan swasta.

"Kerja penyelidikannya tertumpu kepada pengembangan berterusan di dalam bidang 'teknologi pemprosesan hijau' dan pemprosesan minyak sawit dan industri makanan.



Sesi bergambar di antara tiga finalis dan panel penilai.

Anugerah tahunan ini telah ditaja oleh Elsevier dan diberikan kepada para saintis dan penyelidik muda yang berumur kurang dari 40 tahun dan telah memberi sumbangan berterusan di rantau Asia-Pasifik.

**Berita ini disediakan oleh Seksyen Media, Bahagian Komunikasi Korporat UPM.
(Mohd Faisal Md Noor, 03-89466013)**